


BANK ISLAM



BICGEN/01/2014



6 KELEBIHAN KAD DEBIT-i BANK ISLAM

1. **PENERIMAAN YANG LUAS** di lebih 30 juta rangkaian perniagaan dan pembekal servis Visa di seluruh dunia
2. **KEMUDAHAN PEMBAYARAN TERUS** dari akaun simpanan/semasa anda
3. **KEMUDAHAN PENGELUARAN TUNAI** di lebih 2 juta ATM VisaPlus
4. **KEMUDAHAN MELAKSANAKAN TRANSAKSI AKAUN TABUNG HAJI**
5. **PENENTUAN HAD PENGGUNAAN HARIAN YANG FLEKSIBEL** sehingga RM5,000
6. **CIRI KESELAMATAN DENGAN “SMART CHIP SECURITY”**

KAD INI BOLEH DIGUNAKAN BAGI TRANSAKSI BERIKUT:

- 1. Pengeluaran Tunai di dalam dan luar negara**
Mempunyai fungsi Kad ATM bagi pengeluaran wang di:
 - a. ATM Bank Islam
 - b. ATM yang mempunyai logo MEPS
 - c. ATM yang mempamerkan logo VisaPlus
- 2. Melakukan pembelian runcit di lebih 30 juta rangkaian perniagaan & pembekal servis Visa di seluruh dunia**
- 3. Melakukan pembayaran bil dan pembelian melalui internet dan Perbankan Mudah Alih-i TAP**
Nota : Sila kemaskini nombor telefon bimbit anda bagi menerima Kod Akses untuk setiap transaksi internet yang dilakukan
- 4. Melakukan urusan Akaun Tabung Haji**
Pengeluaran wang, pindahan akaun dan pertanyaan baki di semua ATM Bank Islam.
Nota : Ahli Kad diminta mendaftar Akaun Tabung Haji di kaunter Bank Islam sebelum melakukan sebarang urusan akaun Tabung Haji

HAD PERBELANJAAN HARIAN

JENIS PENGGUNAAN	HAD KEGUNAAN HARIAN
1. Pengeluaran Tunai	Sehingga RM5,000
2. Pengeluaran Tunai (setiap transaksi)	Sehingga RM1,500 atau 5 kali transaksi sehari
3. *Pembelian Runcit / Internet	RM2,000 atau 20 kali transaksi sehari

**Nota: Had ini boleh ditingkatkan / dikurangkan dengan menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900 atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Islam yang berhampiran.*

CAJ “PRE-AUTHORIZATION” :

Transaksi yang dilakukan di tempat berikut akan dikenakan caj melebihi amaun sebenar bagi tujuan kelulusan sahaja. Amaun sebenar akan dicaj ke akaun simpanan/ semasa pelanggan sebaik sahaja transaksi dibilkan.

JENIS PENGGUNAAN		CAJ YANG DIKENAKAN
1. Hotel	a. Semasa Daftar Masuk	a. Caj “Pre-authorization” akan dikenakan.
	b. Semasa Daftar Keluar	b. Jumlah “Pre-authorization” akan dibatalkan serta merta dan jumlah yang sebenar akan dicaj.
2. Petrol	Pam layan diri	RM200. <i>Nota : Bagi pembayaran di dalam kedai/kaunter, caj “Pre-authorization” tidak dikenakan (hanya caj sebenar dikenakan)</i>

Kad PELBAGAI Guna

Satu Penghijrahan
Dengan Lebih Ganjaran



03-26 900 900
www.bankislam.com.my

BANK ISLAM
Perintis Perubahan

MAKLUMAT AM

1. Kad Debit-i Bank Islam adalah berasaskan Konsep Ujrah. Konsep Ujrah ialah suatu pembayaran untuk penggunaan perkhidmatan yang diberikan oleh suatu pihak lain. Ujrah berlaku apabila fi atau caj dikenakan oleh Bank Islam ke atas Ahli Kad bagi penggunaan perkhidmatan yang disediakan berkaitan Kad Debit-i Bank Islam.
2. Ahli Kad adalah bertanggungjawab untuk mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan Kad Debit-i Bank Islam.
3. Semua transaksi yang dilakukan di luar Malaysia adalah tertakluk kepada kadar tukaran wang semasa.
4. Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab atas penggunaan Kad Debit-i Bank Islam termasuk tidak menggunakannya untuk aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang.

KESELAMATAN & PENJAGAAN KAD

1. Tandatangan di belakang kad sebaik sahaja kad diterima.
2. Rahsiakan PIN anda. Jangan menulis PIN anda di kad atau disimpan bersama-sama dengan Kad Debit-i Bank Islam anda.
3. Semak penyata akaun simpanan anda dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap transaksi yang dilakukan adalah betul.
4. Sila hubungi Pusat Panggilan Bank Islam atau emel ke bankislamcard@bankislam.com.my untuk pengaktifan kemudahan pengeluaran wang tunai di ATM luar negara.
5. Simpan Kad Debit-i Bank Islam di tempat yang selamat.
6. Lindungi Jalur Magnetik Kad Debit-i Bank Islam. Jangan dedahkan kad anda kepada peralatan bermagnetik.

FI DAN CAJ :

PERKARA	AMAUN
1. Keahlian Kad Fi Tahunan	RM10.00 (setiap tahun)
2. Penggantian Kad disebabkan hilang, dicuri, lupa PIN	RM15.00 (setiap permintaan)
3. Pengeluaran Tunai melalui ATM Bank Islam	Tiada Caj
4. Pengeluaran Tunai melalui ATM-MEPS Bank Tempatan	RM1.00 (setiap pengeluaran)
5. Pengeluaran Tunai melalui ATM-MEPS Bank Asing	RM4.00 (setiap pengeluaran)
6. Pengeluaran Tunai melalui ATM-VisaPlus	RM10.00 (setiap pengeluaran)
7. Permintaan Salinan Draf Jualan	RM5.00 (setiap permintaan)
8. Permintaan Draf Asal Jualan	RM20.00 (setiap permintaan)
9. Cetakan Penyata di Mesin Cetak	RM1.00 (setiap permintaan)
10. Cetakan Penyata di Kaunter	RM5.00 (setiap permintaan)

“Harap maklum, untuk tujuan mematuhi peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, data peribadi anda yang telah kami perolehi, proses, guna dan terus menggunakannya adalah dianggap telah dipersetujui oleh anda seperti Kenyataan Privasi kami yang boleh diperolehi di mana-mana cawangan kami dan di laman www.bankislam.com.my”.

KEHILANGAN KAD ATAU DICURI
Maklumkan SEGERA Ke Pusat Panggilan Bank Islam:

03-26 900 900
www.bankislam.com.my